



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 31 MEI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 31 Mei 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembah : **5,251 kes** (490,038 kes kumulatif, 85.6%);
- Kes baharu : **6,824 kes** (572,357 kes kumulatif);
- Kes import : **3 kes** (1 warganegara, 2 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **6,821 kes** [6,239 warganegara (91.5%);  
582 bukan warganegara (8.5%)];
- Kes aktif : **79,523 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU)  
: **851 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **422 kes**;
- Kes kematian : **67 kes** (2,796 kes kumulatif, 0.49%; 64  
warganegara, 3 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **2,188 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **25 kluster**;

- Jumlah kluster yang telah tamat :**1,533 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **655 kluster**.

Sebanyak **67 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **15 kes** di Selangor, **12 kes** di Johor, **Iapan (8) kes** di Sarawak, **enam (6) kes** di Kedah, masing-masing **lima (5) kes** di Negeri Sembilan dan Kelantan, **empat (4) kes** di Pahang, masing-masing **tiga (3) kes** di Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan Labuan, dan Melaka, **dua (2) kes** di Sabah, serta **satu (1) kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

## **SITUASI DAN MAKLUMAT TERKINI MENGENAI MUTASI SPIKE PROTEIN COVID-19 DI MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan, hasil surveyan genomik yang dijalankan secara berterusan sehingga kini telah mengenalpasti sebanyak **119 kes** COVID-19 yang dijangkiti oleh virus SARS-CoV-2 yang dikategorikan sebagai *Variant of Concern* (VOC) dan *Variant of Interest* (VOI). Daripada jumlah ini, sebanyak 14 kes adalah jangkitan import daripada luar negara, manakala 105 kes lagi adalah jangkitan

dalam negara. Daripada jumlah 119 kes yang dikesan tersebut, 104 kes adalah VOC dan 15 kes adalah VOI.

i. *Variant of Concern* (VOC) yang dilaporkan adalah seperti berikut, iaitu:

- **89 kes** adalah varian **B.1.351** (kesemua kes jangkitan dalam negara);
- **Sembilan (9) kes** adalah varian **B.1.1.7** (5 kes jangkitan import dan 4 kes jangkitan dalam negara); dan
- **Enam (6)** kes varian **B.1.617** (kesemuanya jangkitan import).

ii. *Variant of Interest* (VOI) yang dilaporkan pula adalah seperti berikut, iaitu:

- **12 kes** adalah varian **P.3** (kesemua kes jangkitan dalam negara); dan
- **Tiga (3) kes** adalah varian **B.1.525** (kesemua kes jangkitan import).

Bilangan kes positif COVID-19 dengan VOC dan VOI mengikut negeri sehingga 31 Mei 2021 adalah seperti berikut:

| Varian/<br>Negeri | VOC       |          |          | VOI      |           | Jumlah     |
|-------------------|-----------|----------|----------|----------|-----------|------------|
|                   | B.1.351   | B.1.1.7  | B.1.617  | B.1.525  | P.3       |            |
| Selangor          | 34        | 5        | 3        | 0        | 0         | <b>42</b>  |
| Sarawak           | 7         | 0        | 0        | 1        | 12        | <b>20</b>  |
| Kelantan          | 18        | 0        | 0        | 0        | 0         | <b>18</b>  |
| WP Kuala Lumpur   | 5         | 3        | 1        | 2        | 0         | <b>11</b>  |
| Perak             | 10        | 0        | 0        | 0        | 0         | <b>10</b>  |
| Kedah             | 7         | 0        | 0        | 0        | 0         | <b>7</b>   |
| Pulau Pinang      | 3         | 0        | 0        | 0        | 0         | <b>3</b>   |
| Negeri Sembilan   | 2         | 0        | 0        | 0        | 0         | <b>2</b>   |
| Johor             | 1         | 0        | 1        | 0        | 0         | <b>2</b>   |
| Perlis            | 2         | 0        | 0        | 0        | 0         | <b>2</b>   |
| WP Labuan         | 0         | 0        | 1        | 0        | 0         | <b>1</b>   |
| Sabah             | 0         | 1        | 0        | 0        | 0         | <b>1</b>   |
| Jumlah            | <b>89</b> | <b>9</b> | <b>6</b> | <b>3</b> | <b>12</b> | <b>119</b> |

Seperti yang dapat dilihat dalam jadual di atas, virus COVID-19 jenis VOC telah dikesan di setiap negeri dalam Malaysia terutamanya bagi varian B.1.351. Oleh itu, besar kemungkinan

sudah pun berlaku penularan lebih meluas dalam komuniti bagi sekurang-kurangnya satu (1) jenis VOC di semua negeri di Malaysia. Memandangkan VOC didapati mempunyai kadar kebolehjangkitan yang lebih tinggi, situasi ini perlu diambil serius oleh setiap individu. Sekiranya rantaian jangkitan penularan tidak diputuskan, ianya akan terus merebak dan lebih sukar bagi kita untuk terus membendung peningkatan kes COVID-19.

Sehubungan itu, KKM akan terus memantapkan aktiviti kawalan penyakit berjangkit termasuk meneruskan surveilan genomik, memperbanyakkan ujian saringan COVID-19, melakukan pengesanan kontak dan pengasingan kes serta langkah-langkah kesihatan awam lain bagi membendung penularan varian-varian ini di dalam komuniti.

Selain pelaksanaan *total lockdown* yang bermula pada 1 Jun 2021, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) juga akan terus dilaksanakan bagi kawasan-kawasan dengan pelaporan kes yang tinggi. Tujuan PKPD dilaksanakan adalah untuk membendung jangkitan COVID-19 daripada menular ke lokaliti-lokaliti lain. Langkah ini akan membolehkan aktiviti pengesanan kes dilaksanakan secara bersasar dalam kalangan komuniti yang terlibat.

Dengan pelaksanaan perintah ini:

- Semua penduduk dan pelawat yang telah berada di kawasan tersebut tidak dibenarkan keluar dari rumah sepanjang tempoh perintah PKPD dikuatkuasakan;
- Pelawat-pelawat tidak dibenarkan masuk ke kawasan tersebut sepanjang tempoh perintah PKPD dikuatkuasakan; dan
- Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup;

Bagi kawasan-kawasan lain, orang ramai dinasihatkan untuk kekal berada di rumah sepanjang masa. Sekiranya terpaksa keluar atas urusan penting, patuhilah Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah digariskan dan lindungilah diri seperti yang sering dinasihatkan oleh KKM. Tempoh masa dua (2) minggu ini adalah amat kritikal bagi memutuskan rantai jangkitan COVID-19 di Malaysia dan ianya perlu dimanfaatkan dengan sebaik mungkin oleh semua lapisan masyarakat.

Semoga dengan segala usaha yang dijalankan dapat melandaikan keluk pandemik COVID-19 di negara kita dan memastikan kelestarian sistem penjagaan kesihatan yang baik di Malaysia.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

**Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).

**Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

31 Mei 2021 @ 6:30 petang.

**LAMPIRAN 1**

**BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 31 MEI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

| NEGERI                    | BILANGAN KES<br>BAHARU *( ) | BILANGAN KES<br>KUMULATIF |
|---------------------------|-----------------------------|---------------------------|
| <b>SELANGOR</b>           | 2,111 (1)                   | 186,926                   |
| <b>SABAH</b>              | 207                         | 62,244                    |
| <b>WP KUALA LUMPUR</b>    | 387 (1)                     | 58,654                    |
| <b>JOHOR</b>              | 489                         | 58,383                    |
| <b>SARAWAK</b>            | 654 (1)                     | 47,329                    |
| <b>PULAU PINANG</b>       | 328                         | 28,626                    |
| <b>KELANTAN</b>           | 695                         | 27,788                    |
| <b>NEGERI SEMBILAN</b>    | 253                         | 26,305                    |
| <b>PERAK</b>              | 255                         | 20,634                    |
| <b>KEDAH</b>              | 464                         | 18,909                    |
| <b>MELAKA</b>             | 352                         | 12,086                    |
| <b>PAHANG</b>             | 219                         | 9,577                     |
| <b>TERENGGANU</b>         | 204                         | 8,771                     |
| <b>WP LABUAN</b>          | 166                         | 3,722                     |
| <b>WP PUTRAJAYA</b>       | 28                          | 1,892                     |
| <b>PERLIS</b>             | 12                          | 511                       |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>6,824 (3)</b>            | <b>572,357</b>            |

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

## LAMPIRAN 2

**Ringkasan 67 kes kematian pada 31 Mei 2021 adalah seperti berikut:**

| No. Kematian | Negeri          | Jantina (Warganegara) | Umur (Tahun) | Hospital  | Latar Belakang Penyakit  |
|--------------|-----------------|-----------------------|--------------|---|--|
| 2730         | Kelantan        | Perempuan (WN)        | 75           | Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu     | Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia   |
| 2731         | Selangor        | Lelaki (WN)           | 67           | Hospital Sungai Buloh                             | -  |
| 2732         | Kedah           | Lelaki (WN)           | 64           | Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar             | Penyakit kencing manis dan dislipidemia  |
| 2733         | Selangor        | Perempuan (WN)        | 88           | Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras           | Penyakit darah tinggi, strok, dan dislipidemia   |
| 2734         | Melaka          | Perempuan (WN)        | 65           | Hospital Melaka                                   | <i>Rheumatoid arthritis, anemia</i>  |
| 2735         | Pahang          | Lelaki (WN)           | 65           | Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan             | Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung  |
| 2736         | Selangor        | Lelaki (WN)           | 53           | Jenazah dibawa ke Hospital Kajang                 | Penyakit darah tinggi  |
| 2737         | Sarawak         | Lelaki (WN)           | 51           | Hospital Miri                                     | Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan <i>peripheral vascular disease</i> |
| 2738         | Kelantan        | Lelaki (WN)           | 15           | Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang kerian | Leukemia   |
| 2739         | Negeri Sembilan | Lelaki (WN)           | 82           | Hospital Tampin                                   | Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia   |
| 2740         | Selangor        | Perempuan (WN)        | 46           | Hospital Sungai Buloh                             | Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan buah pinggang kronik                       |
| 2741         | Kelantan        | Lelaki (WN)           | 65           | Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu     | Penyakit darah tinggi, dislipidemia, jantung, <i>Cushing's syndrome</i> , dan <i>sleep apnoea</i>  |
| 2742         | Kedah           | Perempuan (WN)        | 80           | Hospital Kuala Nerang                             | Penyakit darah tinggi dan Strok  |

|      |              |                |    |   |  |
|------|--------------|----------------|----|---|--|
| 2743 | Selangor     | Perempuan (WN) | 59 | Hospital Sungai Buloh                             | Obesiti  |
| 2744 | Selangor     | Lelaki (WN)    | 54 | Hospital Kajang                                   | Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan buah pinggang kronik       |
| 2745 | Pulau Pinang | Perempuan (WN) | 66 | Hospital Pulau Pinang                             | Penyakit kencing manis, darah tinggi, hati, dislipidemia, dan buah pinggang kronik |
| 2746 | Kedah        | Perempuan (WN) | 70 | Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar             | Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia                             |
| 2747 | Johor        | Perempuan (WN) | 52 | Hospital Sultanah Aminah Johor Bharu              | Penyakit kencing manis dan asma  |
| 2748 | Sarawak      | Lelaki (WN)    | 67 | Hospital Sibu                                     | Penyakit darah tinggi, paru-paru kronik, dan dislipidemia                          |
| 2749 | Kedah        | Perempuan (WN) | 54 | Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar             | Penyakit penyakit buah pinggang dan tiroid   |
| 2750 | Pahang       | Perempuan (WN) | 57 | Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan             | Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan tiroid                                   |
| 2751 | Johor        | Lelaki (WN)    | 73 | Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar              | Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan strok              |
| 2752 | Kelantan     | Lelaki (WN)    | 74 | Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian | Kanser   |
| 2753 | Kedah        | Lelaki (WN)    | 78 | Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani        | Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia                             |
| 2754 | Kedah        | Perempuan (WN) | 71 | Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar             | Penyakit kencing manis, buah pinggang kronik, dan dislipidemia                     |
| 2755 | Selangor     | Lelaki (WN)    | 75 | Hospital Sungai Buloh                             | Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik                         |
| 2756 | Selangor     | Lelaki (WN)    | 73 | Hospital Kajang                                   | Penyakit darah tinggi, paru-paru kronik, dan asma                                  |
| 2757 | Sarawak      | Perempuan (WN) | 70 | Hospital Umum Sarawak, Kuching                    | Penyakit kencing manis dan darah tinggi  |

|      |                 |                |    |   |  |
|------|-----------------|----------------|----|---|--|
| 2758 | Sarawak         | Lelaki (WN)    | 63 | Hospital Umum Sarawak, Kuching          | Penyakit darah tinggi, jantung, dan dislipidemia                               |
| 2759 | Sarawak         | Lelaki (WN)    | 60 | Hospital Miri                           | Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik        |
| 2760 | Negeri Sembilan | Lelaki (WN)    | 67 | Hospital Tuanku Jaafar, Seremban        | Penyakit kencing manis dan darah tinggi  |
| 2761 | Pahang          | Lelaki (WN)    | 94 | Hospital Bentong                        | Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik                 |
| 2762 | Pahang          | Lelaki (WN)    | 60 | Hospital Bentong                        | Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, buah pinggang, dan dislipidemia |
| 2763 | Selangor        | Perempuan (WN) | 54 | Hospital Kajang                         | Penyakit kencing manis, darah tinggi, asma, dan obesiti                        |
| 2764 | Sabah           | Lelaki (WN)    | 75 | Hospital Lahad Datu                     | -  |
| 2765 | Johor           | Lelaki (WN)    | 64 | Hospital Sultanah Aminah, Johor Bharu   | Penyakit kencing manis dan darah tinggi  |
| 2766 | Selangor        | Lelaki (WN)    | 74 | Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras | Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan jantung                |
| 2767 | Johor           | Perempuan (WN) | 54 | Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar   | Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan strok                  |
| 2768 | WP Kuala Lumpur | Lelaki (WN)    | 51 | Hospital Kuala Lumpur                   | Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia                         |
| 2769 | Sarawak         | Perempuan (WN) | 75 | Hospital Sibu                           | Penyakit penyakit jantung, strok, dan glaucoma                                 |
| 2770 | Kelantan        | Lelaki (WN)    | 62 | Jenazah dibawa ke Hospital Tumpat       | Penyakit darah tinggi dan strok  |
| 2771 | Negeri Sembilan | Perempuan (WN) | 55 | Hospital Tuanku Jaafar, Seremban        | Penyakit kencing manis dan darah tinggi  |
| 2772 | Negeri Sembilan | Perempuan (WN) | 82 | Hospital Tuanku Jaafar, Seremban        | Penyakit kencing manis   |
| 2773 | Melaka          | Perempuan (WN) | 65 | Hospital Melaka                         | Penyakit darah tinggi, buah pinggang kronik, dan jantung                       |

|      |                 |                   |    |  |   |
|------|-----------------|-------------------|----|--|---|
| 2774 | Selangor        | Lelaki<br>(WN)    | 68 | Hospital Kajang                                      | Penyakit kencing manis  |
| 2775 | Selangor        | Perempuan<br>(WN) | 84 | Hospital Shah Alam                                   | Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia                      |
| 2776 | Selangor        | Lelaki<br>(WN)    | 50 | Hospital Sungai Buloh                                | Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik              |
| 2777 | Sabah           | Perempuan<br>(WN) | 81 | Hospital Lahad Datu                                  | -   |
| 2778 | Sarawak         | Perempuan<br>(WN) | 74 | Jenazah dibawa ke Hospital Kapit                     | Penyakit kencing manis dan darah tinggi                                     |
| 2779 | Pulau Pinang    | Lelaki<br>(WN)    | 72 | Hospital Pulau Pinang                                | Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang, gout, dan dislipidemia |
| 2780 | Selangor        | Lelaki<br>(WN)    | 70 | Hospital Sungai Buloh                                | Penyakit jantung  |
| 2781 | Selangor        | Perempuan<br>(WN) | 61 | Hospital Selayang                                    | Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan obesiti                           |
| 2782 | Negeri Sembilan | Lelaki<br>(WN)    | 73 | Hospital Tuanku Jaafar, Seremban                     | Penyakit darah tinggi   |
| 2783 | Johor           | Lelaki<br>(WN)    | 68 | Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar                | Penyakit kencing manis dan darah tinggi                                     |
| 2784 | Johor           | Lelaki<br>(WN)    | 78 | Hospital Sultanah Ismail, Johor Bharu                | -   |
| 2785 | Johor           | Lelaki<br>(WN)    | 65 | Hospital Sultanah Aminah Johor Bharu                 | Penyakit kencing manis dan darah tinggi                                     |
| 2786 | Johor           | Lelaki<br>(WN)    | 58 | Hospital Sultan Ismail, Johor Bharu                  | Penyakit kencing manis dan darah tinggi                                     |
| 2787 | Johor           | Perempuan<br>(WN) | 53 | Hospital Sultanah Aminah, Johor Bharu                | Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik              |
| 2788 | Johor           | Lelaki<br>(WN)    | 67 | Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai | -   |
| 2789 | Sarawak         | Lelaki<br>(WN)    | 66 | Hospital Sri Aman                                    | Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia                      |

|      |              |                 |    |   |   |
|------|--------------|-----------------|----|---|---|
| 2790 | Pulau Pinang | Lelaki (WN)     | 74 | Jenazah dibawa ke Hospital Balik Pulau                  | Penyakit dislipidemia                   |
| 2791 | Melaka       | Lelaki (WN)     | 66 | Jenazah dibawa ke Hospital Alor Gajah                   | -                                       |
| 2792 | WP Labuan    | Lelaki (WN)     | 99 | Jenazah dibawa ke Hospital Labuan                       | Penyakit darah tinggi                   |
| 2793 | WP Labuan    | Perempuan (WN)  | 87 | Jenazah dibawa ke Hospital Labuan                       | Penyakit kencing manis dan darah tinggi |
| 2794 | WP Labuan    | Perempuan (BWN) | 59 | Hospital Labuan   | -                                       |
| 2795 | Johor        | Lelaki (BWN)    | 39 | Jenazah dibawa ke Hospital Sultanah Aminah, Johor Bharu | -                                       |
| 2796 | Johor        | Perempuan (BWN) | 63 | Hospital Sultanah Aminah Johor Bharu                    | Penyakit kencing manis, darah tinggi    |

\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

### LAMPIRAN 3

**Perincian 6,824 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 31 Mei 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:**

| NEGERI                    | JUMLAH KES   | KLUSTER      | KONTAK RAPAT | IMPORT A* | LAIN-LAIN    |
|---------------------------|--------------|--------------|--------------|-----------|--------------|
| SELANGOR                  | 2,111        | 66           | 1,718        | 1         | 326          |
| KELANTAN                  | 695          | 45           | 527          | -         | 123          |
| SARAWAK                   | 654          | 69           | 461          | 1         | 123          |
| JOHOR                     | 489          | 71           | 270          | -         | 148          |
| KEDAH                     | 464          | 63           | 321          | -         | 80           |
| WP KUALA LUMPUR           | 387          | 98           | 179          | 1         | 109          |
| MELAKA                    | 352          | 194          | 127          | -         | 31           |
| PULAU PINANG              | 328          | 97           | 149          | -         | 82           |
| PERAK                     | 255          | 45           | 138          | -         | 72           |
| NEGERI SEMBILAN           | 253          | 63           | 152          | -         | 38           |
| PAHANG                    | 219          | 96           | 106          | -         | 17           |
| SABAH                     | 207          | 41           | 112          | -         | 54           |
| TERENGGANU                | 204          | 46           | 125          | -         | 33           |
| WP LABUAN                 | 166          | 88           | 48           | -         | 30           |
| WP PUTRAJAYA              | 28           | 1            | 22           | -         | 5            |
| PERLIS                    | 12           | -            | 9            | -         | 3            |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>6,824</b> | <b>1,083</b> | <b>4,464</b> | <b>3</b>  | <b>1,274</b> |

\* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

## LAMPIRAN 4

### **KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA PADA 31 MEI 2021**

| No. | Nama Kluster                | Kategori Kluster | Negeri          | Daerah  | Jumlah Kes | Jumlah Disaring |
|-----|-----------------------------|------------------|-----------------|---|------------|-----------------|
| 1   | Jalan Alam Jaya             | Tempat Kerja     | Selangor        | Hulu Langat                                       | 35         | 37              |
| 2   | Jalan Perusahaan Dua Lima   | Tempat Kerja     | Selangor        | Hulu Langat, Gombak, dan Petaling                 | 29         | 34              |
| 3   | Jalan Coastal Bintulu-Miri  | Tempat Kerja     | Sarawak         | Bintulu   | 49         | 1,574           |
| 4   | Jalan Sierra Perdana Empat  | Tempat Kerja     | Johor           | Johor Bahru                                       | 7          | 42              |
| 5   | Dah PKNK 3/8                | Tempat Kerja     | Kedah           | Kuala Muda  | 48         | 280             |
| 6   | Perindustrian Trisegi       | Tempat Kerja     | WP Kuala Lumpur | Lembah Pantai                                     | 19         | 52              |
| 7   | Jalan Mahsuri Kluang        | Tempat Kerja     | Johor           | Kluang  | 52         | 1,019           |
| 8   | Tapak Bina Klebang          | Tempat Kerja     | Melaka          | Melaka Tengah                                     | 124        | 371             |
| 9   | Lintang Bayan Lepas Enam    | Tempat Kerja     | Pulau Pinang    | Barat Daya, Timur Laut, dan Seberang Perai Tengah | 25         | 107             |
| 10  | Industri Bukit Minyak Tujuh | Tempat Kerja     | Pulau Pinang    | Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan  | 15         | 376             |
| 11  | Industri Indera Mahkota 14  | Tempat Kerja     | Pahang          | Kuantan   | 28         | 123             |
| 12  | Muara Tabuan                | Tempat Kerja     | Sarawak         | Kuching, Samarahan, Serian, dan Asajaya           | 152        | 500             |
| 13  | Industri Jalan Karak        | Tempat Kerja     | Pahang          | Bentong   | 37         | 560             |
| 14  | Jalan Sudirman              | Tempat Kerja     | Pahang          | Temerloh  | 18         | 61              |

|    |                         |                          |                 |                            |    |     |
|----|-------------------------|--------------------------|-----------------|----------------------------|----|-----|
| 15 | Jalan Pantai Permai     | Komuniti                 | WP Kuala Lumpur | Lembah Pantai              | 22 | 508 |
| 16 | Langgar Hilir           | Komuniti                 | Terengganu      | Hulu Terengganu dan Marang | 32 | 233 |
| 17 | Kampung Gelong Badak    | Komuniti                 | Kelantan        | Bachok dan Kota Bharu      | 18 | 32  |
| 18 | Tok Jawa                | Komuniti                 | Kelantan        | Bachok                     | 10 | 42  |
| 19 | Jalan Jambusan -Sunchar | Komuniti                 | Sarawak         | Bau dan Kuching            | 18 | 243 |
| 20 | Dah Bagan               | Komuniti                 | Kedah           | Padang Terap dan Pendang   | 41 | 175 |
| 21 | Kampung Sungai Kerang   | Komuniti                 | Perak           | Manjung dan Perak Tengah   | 21 | 142 |
| 22 | Milenium                | Komuniti                 | Sabah           | Tawau                      | 34 | 101 |
| 23 | Kampung Laneh           | Komuniti                 | Perak           | Kuala Kangsar dan Kinta    | 23 | 70  |
| 24 | Dah Batu Dua            | Pendidikan Tinggi        | Kedah           | Kota Setar                 | 19 | 42  |
| 25 | Persiaran Titiwangsa    | Kumpulan Berisiko Tinggi | WP Kuala Lumpur | Titiwangsa dan Kepong      | 13 | 67  |